

PERBANDINGAN TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY* (SOFT SKILLS) DI KALANGAN SISWAZAH IPTA DENGAN IPTS

WONG CHOON POH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2011

ABSTRAK

Kemahiran *employability* merupakan kemahiran yang amat penting untuk dikuasai oleh pelajar dalam menyiapkan diri bagi memasuki industri pekerjaan. Kegagalan para pelajar menempatkan diri dalam sektor ini biasanya dikaitkan dengan tahap penguasaan kemahiran *employability* yang rendah dan tidak mencapai kehendak yang diperlukan oleh pihak majikan. Hal ini kerana, pemilihan graduan selalunya akan dinilai bukan sahaja dari aspek akademik, malah graduan perlulah memperkembangkan diri dengan pelbagai kemahiran, berketerampilan menarik dan berpengalaman. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti perbandingan tahap penguasaan pelajar IPTS dan IPTA terhadap kemahiran *employability*, serta kecenderungan pemilihan di antara graduan IPTS dan IPTA oleh pihak majikan industri. Daripada hasil dapatan dua objektif yang telah dinyatakan, perbezaan tahap penguasaan pelajar IPTS dan IPTA, serta kecenderungan pemilihan pihak majikan industri akan dapat dikenal pasti. Responden kajian ini adalah terdiri daripada 168 orang pelajar tahun akhir peringkat sarjana muda program pembinaan yang menuntut di *Kuala Lumpur Infrastructure University College (KLIUC)*, *Limkokwing University of Creative Technology (LUCT)*, *University Tunku Abdul Rahman (UTAR)*, *University Sains Malaysia (USM)*, *University Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)* dan *University Technology Malaysia (UTM)*, serta 160 orang kontraktor kelas G6 dan G7 yang berdaftar di sekitar Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Kajian ini telah menggunakan kaedah borang soal selidik sebagai instrumen bagi mendapatkan maklumat. Segala data yang diperolehi seterusnya dianalisis secara deskriptif iaitu dengan mendapatkan nilai skor min bagi setiap elemen kemahiran. Hasil kajian didapati keenam-enam universiti dikelaskan dalam tahap penguasaan yang baik, namun pelajar dari IPTS mempunyai tahap penguasaan yang lebih tinggi berbanding pelajar IPTA. Sementara itu, hasil kajian objektif kedua menunjukkan bahawa, majikan industri adalah lebih cenderung memilih graduan IPTA sebagai pekerja dalam bidang kerja pembinaan.

ABSTRACT

Employability skill seems to be the important skill that should be mastered by the students in order to prepare themselves to enter the industry. The failures to get employed are usually related to the lack of the employability skill competencies reflecting the competencies level still do not achieve the industry's needs. It is because the selection of the graduates will be assessed not only in academic scope but they must be well prepared in term of skills, possess attractive personality and experienced as well. The purpose of this study is to determine the employability skill competencies among students who are going to work as well as the tendency of which university graduate will probably get hired. From the both objectives stated, only then the final objective can be obtained which is to identify the gap between the students' competencies and the degree of tendency of which university graduate get hired the most by the industry. The respondents comprised of 168 construction final year students in Kuala Lumpur Infrastructure University College (KLIUC), Limkokwing University of Creative Technology (LUCT), University Tunku Abdul Rahman (UTAR), University Sains Malaysia (USM), University Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan University Technology Malaysia (UTM) and 160 class-G6 and G7 registered contractors in Kuala Lumpur and Johor Bahru. In this research, a few set of questionnaire has been distributed as the instrument in order to get the information. Data collected were analyzed descriptively which is by identifying the score min of every single element in employability skill. At the end of the study, it was found that the six universities being categorized in the good level competency, but students from IPTS have the highest competencies in the employability skill compared to the students from IPTA. Meanwhile, result for the second objective showed that, the industry employer prefers to hire graduate from IPTA as their employees in this contraction business.